چانغ

CANANG

OKTOBER 2020

AL-QURAN DAN SUNNAH

CAHAYA AGAMA

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

كمنترين كبودايان بليا دان سوكن

PETIKAN TITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA

SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM KALI KE-26

PADA HARI SELASA

15HB RABIULAWAL 1441

12HB NOVEMBER 2019

"...Perkhidmatan Awam adalah merupakan jentera penggerak kerajaan dalam membangun negara bagi kesejahteraan rakyat. Ia, bukan sahaja untuk masa ini, malahan juga untuk kepentingan jangka panjang.
Perkhidmatan Awam berperanan menanai tanggungjawab besar untuk masyarakat. Ia perlu mempunyai usaha atau inisiatif bagi kemanfaatan masyarakat secara langsung.

Beta ingin menekankan di sini, bahawa amanah adalah wajib diamalkan oleh setiap warga Perkhidmatan Awam. Tidak ada maknanya berkhidmat tanpa amanah. Amanah adalah 'tiang seri' keadilan. Rakyat mesti dilindungi dan dibela dengan keadilan. Inilah ajaran ugama kita.

Bagaimanapun, Beta masih percaya dan optimistik dengan Perkhidmatan Awam. Ia masih berpeluang dan mampu untuk menyuluh perkembangan optimum setiap kementerian, jabatan dan juga pegawai serta kakitangan kerajaan, melalui skim penganugerahan-penganugerahan yang munasabah."

UN Secretary-General António Guterres

*"The world marks the 30th anniversary of the **International Day of Older Persons** as we reckon with the disproportionate and severe impact that the COVID-19 pandemic has wrought on older persons around the world – not only on their health, but on their rights and well-being."*



Did you know?

- By 2020, the number of people aged 60 years and older will outnumber children younger than 5 years.
- Over the next three decades, the number of older persons worldwide is projected to more than double, reaching more than 1.5 billion persons in 2050 , and 80% of them will be living in low- and middle-income countries.
- The COVID-19 pandemic may significantly lower older persons' incomes and living standards. Already, less than 20% of older persons of retirement age receiving a pension.

01 OKTOBER 2020

SAMBUTAN HARI ANTARABANGSA WARGA EMAS

1 haribulan Oktober pada tahun ini menandakan genapnya **Sambutan Ulang Tahun Ke-30 Hari Antarabangsa Warga Emas (*International Day of Older Persons*)** di Negara Brunei Darussalam serta negara-negara Ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dengan tema: **"Pandemik: Adakah Ia Mengubah Cara Kita Menangani Umur dan Penuaan"** ataupun **"*Pandemics: Do They Change How We Address Age and Ageing*".**

Walaupun Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali daripada kesan jangkitan wabak COVID-19, kita amat berbangga golongan Warga Emas di seluruh negara juga turut mempraktikkan dan menyesuaikan keadaan (*adopt and adapt*) terhadap norma-norma baharu, serta terus mencatatkan **pencapaian-pencapaian yang signifikan** sepanjang tahun ini dalam pelbagai bidang termasuk:

- Penubuhan Pusat Kegiatan Warga Emas yang baru di Belait dan Temburong, dengan kerjasama strategik pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Brunei Shell Petroleum, serta pelancaran Garispandu Pusat Kegiatan Warga Emas;
- Peningkatan usaha perlindungan dan pemerkasaan sosial selaras dengan Pelan Tindakan Warga Emas, **yang mana sikap proaktif, komitmen tinggi dan kerjasama padu dari semua pihak khususnya Pusat-Pusat Kegiatan Warga Emas, pertubuhan dan persatuan warga emas terhadap pelaksanaan Pelan Tindakan tersebut, telah turut sama menyumbangkan dan memberikan impak yang dihasratkan**; dan
- Perlaksanaan aktiviti-aktiviti bermanfaat di peringkat Kementerian, Persatuan, sukarelawan dan individu ke arah kemajuan dan inklusiviti golongan warga emas secara ***Whole of Nation.***
- Usaha seperti pembayaran Pencen Umur Tua melalui ***online banking*** diperkenalkan sebagai kaedah alternatif oleh pihak Kerajaan untuk menyampaikan perkhidmatan sosial dengan menghindari sebarang risiko jangkitan kepada warga emas.
- Pelancaran **Sistem Kebajikan Negara (SKN)** pada tahun ini, ianya merupakan pelantar (*platform*) yang juga akan memudahkan akses permohonan bagi warga emas serta memberikan gambaran yang lebih menyeluruh dan komprehensif mengenai ekosistem bantuan di negara ini dengan telus, jelas serta tidak ada ketirisan dan keciciran terhadap bantuan-bantuan yang diagihkan.
- bantuan secara ***in-kind*** iaitu lampin pakai-buang dan susu kepada golongan warga emas yang tertentu dengan tujuan untuk membantu ahli-ahli keluarga yang menjaga warga emas yang uzur menurut garispandu yang ditetapkan.
- **pembelajaran sepanjang hayat (*lifelong learning*)** secara inklusif melalui program-program peningkatan kapasiti, kemahiran dan keusahawanan.

Usaha secara *Whole of Nation* seperti ini adalah diperlukan dalam mendukung gaya hidup penuaan aktif, yang menangani kesihatan minda dan juga fizikal.

Bersempena Hari Antarabangsa Warga Emas (HAWE) tahun 2020, **marilah kita sama-sama memperkukuhkan semangat dan tekad sebagai satu negara untuk mencapai kualiti hidup tinggi bagi golongan warga emas**. Dengan mempraktikkan dan menyesuaikan keadaan (*adopt and adapt*) norma-norma baharu, kita akan terus merancang dan melaksanakan inisiatif dalam bidang-bidang berkepentingan termasuk sektor sosial, ekonomi dan budaya demi manfaat golongan warga emas yang sangat wajar untuk dijaga, dipeduli dan diberikan penghormatan. Ke arah itu, sama-samalah kita berganding bahu dan berusaha dalam menghargai pengorbanan dan sumbangan warga emas. Setentunya, warga emas adalah tidak terbanding nilainya dalam memastikan kesejahteraan keluarga, yang akan menyumbang kearah peningkatan sosial, kemajuan ekonomi, kemakmuran negara, dan ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Majlis Kesyukuran Sempena Hari Antarabangsa Warga Emas 01 Oktober Tahun 2020

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 1 Oktober 2020 - Bersempena dengan Hari Antarabangsa Warga Emas Tahun 2020, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), dengan kerjasama Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) di seluruh daerah dan Pertubuhan WARGAMAS serta Persatuan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs), meraikan sambutan berkenaan dengan mengadakan Majlis Kesyukuran, bertempat di Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Kampong Tamoi.

Antara pengisian majlis ialah bacaan Ratib Al-Attas, membaca Doa Kesyukuran serta Doa Peliharakan Sultan, dan seterusnya Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid berkenaan, Awang Faizal bin Janif.

Fokus sambutan majlis ini adalah sebagai tanda kesyukuran bagi mengenang dan menghormati jasa bakti golongan warga emas terhadap keluarga, masyarakat dan negara serta meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan serta menjadi wadah untuk bersungguh-sungguh dalam menuju ke arah kebaikan.

Sambutan pada tahun ini bertemakan 'Pandemik: Adakah Ia Mengubah Cara Kita Menangani Umur dan Penuaan' atau *'Pandemics: Do They Change How We Address Age and Ageing'.*

MAJLIS PENYERAHAN FLAT ANGGEREK DESA KEPADA MAJLIS KESEJAHTERAAN MASYARAKAT (MKM)

Bandar Seri Begawan, Khamis, 1 Okt 2020 - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyerahkan flat Anggerek Desa kepada Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM), sebuah persatuan NGO sebagai pejabat baharu mereka. Flat baharu MKM kini beralamat di C-2, No.12, Tingkat 3, Spg 32-5, Kg Anggerek Desa.

MAJLIS PENYERAHAN GRANT BAGI ROGRAM INKUBASI PUSAT PEMBANGUNAN BELIA (PPB)

Berakas, Sabtu, 3 Okt 2020 – Program Inkubasi Pusat Pembangunan Belia berjaya menghasilkan anak-anak tempatan untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan, sekali gus mampu mengembangkan dan bersaing bersama syarikat lain yang ada di pasaran.

Sokongan padu dan kerjasama daripada pihak industri memainkan peranan penting dalam mendukung kejayaan mereka, bukan sahaja dalam kalangan belia, malah dalam kalangan golongan sasaran Vulnerable Groups yang lain, dalam mengembangkan perniagaan mereka ke arah meningkatkan sosioekonomi negara yang berdaya tahan dan dinamik, sekali gus membantu mengurangkan isu pengangguran di negara ini.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyaksikan penandatanganan 'grant' daripada wakil-wakil syarikat tersebut.

Majlis diteruskan dengan penyerahan sijil bagi peserta Program Komuniti jahitan (Program Prihatin V), diikuti dengan Majlis Pembukaan Rasmi Kedai tiga buah syarikat, iaitu Kedai Jahit Gentleman Stitch, KOPPB Mini Mart dan Kedai Jahit Perusahaan Mazroni BKP dan Rakan-Rakan.

Pembukaan kedai-kedai di ruang VIP (bawah tangga), Stadium Negara Hassanal Bolkiah (SNHB), Bolkiah, merupakan inisiatif PPB, di bawah KKBS bagi menyediakan platform perniagaan dan membantu belia-belia yang menyertai Program Inkubasi PPB untuk mengembangkan lagi perusahaan mereka.

MAJLIS PEMEDULIAN MASYARAKAT SEMPENA HARI ANTARABANGSA WARGA EMAS

Temburong, Ahad, 4 Okt 2020 - Komitmen dan perkhidmatan warga emas yang tidak pernah kendur-kendur dan terus berbakti menyumbangkan jasa mereka kepada masyarakat tanpa mengira masa dan kepentingan diri benar-benar dihargai oleh semua lapisan masyarakat.
Dedikasi warga emas menunjukkan bahawa usia tidak menghalang mereka untuk terus aktif, memberi sumbangan dan terus berusaha untuk berkhidmat kepada masyarakat dan negara. Adalah wajar bagi mereka untuk dipanggil Warga Emas Brunei yang prihatin dan penuh perhatian, sesuai dengan hasrat Pelan Tindakan Warga Emas dan dengan nama upacara: Komuniti Pemedulian Masyarakat Lepong Lama.

Yang Berhormat memuji usaha warga emas dan mendesak mereka untuk terus melakukannya demi mencapai apa yang terbaik untuk mereka dan masyarakat secara keseluruhan. Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat mendesak agar semua orang bekerjasama dan terus aktif agar dapat memberi faedah dan kesan positif kepada rakyat Negara Brunei Darussalam.

Perkara ini dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, semasa di Majlis Pemedulian Masyarakat (sempena Hari Antarabangsa Warga Emas, anjuran Persatuan Wargamas) yang berlangsung di Kampung Lepong Lama, Temburong.





PERTANDINGAN MARI BERCERITA PERINGKAT AKHIR 2020

BERAKAS, Isnin, 5 Oktober 2020- Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang Pertandingan Mari Bercerita Peringkat Akhir 2020 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, melalui Bahagian Perpustakaan, yang berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kategori A – Bahasa Melayu

Juara - Dayang Nayla Raeesa binti Haji Norzaidi (Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah)

Naib Johan - Awang Muhammad Azhan Fikri bin Nasrul Muhaimin (Sekolah Arab Rimba)

Ketiga - Awang Muhd. Ilham Haqiqie bin Abdullah Muhd. Kelali (Sekolah Arab Rimba)

Kategori B – Bahasa Inggeris

Juara - Awang Muhammad Zarif Irfan bin Haji Awang Muliadi (Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah)

Naib Johan - Awang Muhammad Aiman Asyraf bin Haji Hazman (Sekolah Arab Rimba)

Ketiga - Dayang Siti Nurunnajihah binti Haji Yahmiruddin Shah (Ma'had Islam Brunei, Tutong)

Peraduan Mari Bercerita yang diadakan sejak tahun 1983 ini antara lain bertujuan untuk memupuk semangat membaca, sekali gus memasyarakatkan budaya membaca dalam kalangan kanak-kanak, dan menjadikan cerita sebagai sumber imaginasi, inspirasi bagi menjana kreativiti semasa menyampaikan cerita, di samping memberikan latihan kepada kanak-kanak supaya berani bercakap di hadapan khalayak ramai.

Kunjungan Hormat
Tuan Yang Terutama John Virgoe
Pesuruhjaya Tinggi British Ke Negara Brunei Darussalam

06 Oktober 2020
Pejabat Menteri, Kementerian kebudayaan, Belia dan Sukan

Majlis Perasmian Bengkel Braille, Orientasi dan Mobiliti Kali Ke-2, Tahun 2020

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 6 Oktober 2020 - Seramai 14 peserta, terdiri daripada kakitangan sektor kerajaan dan swasta, para sukarelawan, ahli-ahli persatuan bukan kerajaan, ibu bapa dan penjaga Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan juga orang persendirian menyertai Bengkel Braille, Orientasi dan Mobiliti Kali Ke-2, Tahun 2020, yang diadakan selama 05 hari. Majlis Perasmian bengkel berlangsung di Dewan Darul Imtiyaz, Pusat Bahagia Brunei dan Muara, Kampung Pulaie.

Bengkel tersebut akan memberikan manfaat kepada golongan yang memerlukannya, seperti ibu bapa atau penjaga OKU Penglihatan, guru-guru, rakan sekerja, majikan, para sukarelawan dan 'philanthropy', dalam meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya kemahiran menggunakan huruf Braille untuk berkomunikasi dengan OKU penglihatan.

Antara lain tujuan bengkel ini adalah:

- membantu orang celik mempelajari teknik latihan orientasi dan mobiliti yang betul ketika menjadi pengiring atau jurupandu kepada OKU penglihatan, agar dapat memperkasa OKU penglihatan untuk berdikari, bergerak dengan bebas dan selamat dalam persekitaran;
- sama-sama mempelajari cara-cara yang betul dan selamat untuk membimbing OKU penglihatan dalam aktiviti seharian, seperti membimbing mereka ke pusat membeli belah, menggunakan kemudahan awam atau di tempat kerja.

Bengkel ini adalah anjuran KKBS melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dengan kerjasama:

1) Bahagian Perkhidmatan OKU, JAPEM;
2) Unit Pendidikan Khas (UPK), Kementerian Pendidikan;
3) Jabatan Ophthalmology, Kementerian Kesihatan; dan
4) Unit Pendidikan Khas Ugama, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Setakat September 2020, seramai 232 orang berdaftar sebagai penerima Pencen Orang Buta di JAPEM, berbanding 241 orang penerima pada tahun 2019 dan 222 orang pada tahun 2018.

Kunjungan Hormat
Puan Yang Terutama Gerda Winkler
Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman
Ke Negara Brunei Darussalam

07 Oktober 2020

Pejabat Menteri, Kementerian kebudayaan, Belia dan Sukan

Projek Memperkasa Pemimpin Muda
Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam (PPPNBD)

BERAKAS, Rabu, 7 Oktober 2020 - Projek Memperkasa Pemimpin Muda Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPNBD) merupakan projek khusus yang melibatkan penyertaan seramai 32 Pemimpin Muda dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Projek tersebut diadakan bagi membolehkan para pemimpin muda berkenaan melakukan aktiviti berkebun di batas-batas tanaman yang tersedia di pekarangan Ibu Pejabat PPPBD, mendedahkan mereka kepada aktiviti-aktiviti penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar, di samping mengukuhkan lagi hubungan silaturahim dan meningkatkan perasaan muhibah dalam kalangan mereka.

Ia juga bertujuan untuk mengembangkan dan meningkatkan potensi serta kemahiran para ahli, khususnya Pemimpin Muda dalam PPPBD.

Kursus *'Problem Solving and Decision Making'*

Berakas, Khamis, 8 Okt 2020- Unit Perkembangan Sumber Tenaga Manusia, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengendalikan kursus '*Problem Solving & Decision Making*' khusus untuk pegawai dan kakitangan kementerian dan jabatan-jabatan dibawahnya (Divisyen II dan III), yang berlangsung selama empat hari dari 05 hingga 08 Oktober 2020, bertempat di Bilik Hijau, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Kursus ini akan mendedahkan para peserta mengenai bagaimana untuk:
1. mengenalpasti masalah yang dihadapi dan menghasilkan pelbagai penyelesaian yang berkualiti;
2. menghasilkan pilihan keputusan yang terbaik dengan menggunakan analisa yang teratur; dan
3. membuat pendekatan kreatif untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan melalui *'critical thinking'*.

Seramai 19 orang warga kementerian dan jabatan-jabatan dibawahnya menyertai kursus tersebut yang disampaikan oleh Yang Mulia Awang Zainal Abidin bin Tinggal, Principal Consultant daripada Mind Matters Consultant.

Majlis Penyampaian Sijil Bengkel Braille, Orientasi Dan Mobiliti Kali Ke-2, Tahun 2020

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 10 Oktober. - Bengkel Braille, Orientasi dan Mobiliti Kali Ke-2 bagi tahun 2020 yang diadakan selama lima hari bermula 5 Oktober lalu menutup tirainya dengan Majlis Penyampaian Sijil kepada 12 peserta yang terdiri daripada sektor kerajaan, swasta, para sukarelawan, ahli-ahli persatuan bukan kerajaan, ibu bapa dan penjaga Orang Kurang Upaya (OKU) Penglihatan dan orang persendirian.

Bengkel tersebut dianjurkan bersama Bahagian Perkhidmatan Orang Kurang Upaya, JAPEM; Unit Pendidikan Khas (UPK), Kementerian Pendidikan; Jabatan Ophthalmology, Kementerian Kesihatan; dan Unit Pendidikan Khas Ugama, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

[Foto: JAPEM, KKBS]

Hadir bagi menyampaikan sijil kepada para peserta ialah Pemangku Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Dayang Siti Zaharah binti Haji Abdul Razak.

[Foto: JAPEM, KKBS]

Majlis Perasmian Pameran Kesihatan Mental (Mental Health Fair)

Sekolah Penerbangan IBTE
10 Oktober 2020

MENGENAI KESIHATAN MENTAL

- seramai 7,000 individu mengalami penyakit mental merujuk data terkini yang dikongsikan Kementerian Kesihatan.
- Individu perlu ada mental yang sihat, perasaan gembira dan sejahtera, berupaya menghadapi pelbagai cabaran hidup dan mempunyai sikap positif terhadap diri sendiri.

Kerajaan KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus mengambil langkah-langkah proaktif untuk menangani cabaran ini, secara kerjasama *Whole of Nation.*

Langkah-Langkah menangani:

- *intervensi secara konsisten* bagi memastikan kesihatan mental, khusus dalam kalangan penuntut sekolah dalam bentuk Kempen "Brunei Bebas Buli" (Kerjasama Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan; Kementerian Pendidikan; Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; serta Pasukan Polis Diraja Brunei)

-*memberikan landasan yang selamat* atau 'safe space' bagi pemanggil untuk membincangkan cabaran yang dihadapi atau memohon khidmat nasihat dan kaunseling secara 'anonymous' (Penyediaan Talian Kebajikan 141, Talian Anak 121 dan Talian Harapan 145)

-*Ppatform perbincangan dan pengetahuan* seperti *Mind Your Mind* [Kementerian Kesihatan], *Program Peer Empathise and Embracing Resilience (PEER),* [JAPEM] dengan tujuan untuk melengkapi para peserta dengan kemahiran praktikal dan interaktif mengenai kesihatan mental.

-*mengadakan Forum dan Seminar*

Peranan Pihak Kerajaan dan Bukan Kerajaan

Adalah mustahak bagi setiap pihak, kerajaan dan bukan kerajaan untuk sama-sama melihat bahawa kesihatan mental dan menanganinya adalah komitmen kita bersama, khususnya dalam mengubah 'mindset' dan meningkatkan kesedaran mengenai kesihatan dari peringkat awal.

Peranan Keluarga dan Masyarakat

Keluarga dan masyarakat juga memainkan peranan penting. Rawatan sepatutnya bermula di dalam keluarga dan masyarakat dengan kerjasama pesakit, ahli keluarga, ahli profesional kesihatan, kebajikan dan agensi-agensi masyarakat. Berikan kefahaman dan tindakan yang sewajarnya agar tidak mengetepikan mereka yang memerlukan sokongan lanjut akibat kesalahfahaman. Adalah penting untuk mendengar dan memberikan suara kepada golongan yang menghidap penyakit mental.

Di peringkat lebih besar, Yang Berhormat menjelaskan, penekanan berterusan perlu diberikan kepada promosi kesihatan mental sepanjang hayat, bermula dari peringkat kanak-kanak lagi melalui program intervensi awal kanak-kanak dan program perkembangan kanak-kanak dan remaja, ini adalah untuk mencegah ia berlaku ketika peringkat dewasa dan warga tua.

"InsyaaAllah, kita akan terus komited untuk menyediakan lebih banyak platform secara *Whole of Nation* bagi mengadakan perbincangan secara terbuka mengenai kesihatan mental agar masyarakat akan lebih peka dan apa yang turut penting, memberikan sokongan yang padu kepada para individu penghidap penyakit mental - *'Prevention is Better than Cure'* atau Mencegah Lebih Baik daripada Mengubati," tambah Yang Berhormat.

PAMERAN KESIHATAN MENTAL
SEMPENA HARI KESIHATAN MENTAL SEDUNIA
Sekolah Penerbangan IBTE, Kampus Sultan Saiful Rijal

BERAKAS, Sabtu, 10 Oktober 2020 - *Perasmian Pameran Kesihatan Mental atau Mental Health Fair disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, selaku tetamu kehormat majlis.*

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Dato Menteri menyaksikan aktiviti kecergasan daripada HSN Fitness, pameran daripada Pusat Ehsan Al-Ameerah Al- Hajjah Maryam; AMLife; Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM); Pusat Da'wah Islamiah; PEKA; Cureheart dan Clarity; demonstrasi sebatan daripada Jabatan Penjara, kemudiannya mengadakan lawatan ke petak terapi seni, yang dikendalikan oleh Dato Shofry Abdul Ghafor.

Turut diadakan pada acara berkenaan, forum yang membincangkan tajuk **'Membina Masyarakat Sihat bagi Pembangunan Positif'**. Ahli-ahli panel, terdiri daripada:

- Hajah Norajleen Uminatul Hafizan binti Haji Alimas (Pengasas Cureheart merangkap Kaunselor di Clarity Sendirian Berhad),
- Diny bin Haji Karim (Presiden PEKA) dan
- Dayangku Noorbaizura binti Pengiran Haji Daud (Qudos Management)

Forum kedua membincangkan tajuk **'Kualiti Kehidupan dan Kesejahteraan'**, menampilkan ahli-ahli panel yang terdiri daripada Pengarah dan Ahli Psikologi Clarity, Todd McPherson; Penolong Kauselor Penjara Maraburong, Fariszal bin Ali; dan Pegawai Pembangunan Masyarakat, JAPEM, Irnawati binti Haji Mahir.

Pameran tersebut disokong oleh Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan; Kementerian Pendidikan; dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Ia turut melibatkan AMLife dan Ili Wax Co sebagai rakan-rakan strategi utama.

Kempen Kebersihan Dan Penanaman Pokok Buah Di Muzium Maritim

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 Oktober 2020 - Jabatan Muzium-Muzium mengadakan Kempen Kebersihan dan Penanaman Pokok Buah di Muzium Maritim Brunei Darussalam dan sekitarnya. Penanaman tersebut didahului oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Sebelum acara dimulakan, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dibawa untuk memprebiu sudut cerap dan Galeri Tapak Warisan Arkeologi di Muzium Maritim.

Sebanyak 177 pokok buah dan bunga ditanam di kawasan Muzium Maritim Brunei Darussalam dan sekitarnya, sebahagian daripadanya adalah sumbangan daripada Stesen Penyelidikan Pertanian Birau, Tutong, Jabatan Pertanian dan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi.

Majlis tersebut antara lainnya untuk 'membisaikan' dan mencantikkan kawasan persekitaran, juga meningkatkan pembangunan kapasiti Jabatan Muzium-Muzium dalam mempelajari sesuatu yang di luar bidang melalui *Environmental Education*, sekali gus mempraktikkan budaya bergotong-royong.

Menyoroti sejarah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menyempurnakan perasmian muzium berkenaan pada 23 Mac 2015.

Muzium Maritim Brunei Darussalam merupakan repositori sejarah maritim yang mengandungi peninggalan artifak dan pertukangan maritim dari berbagai-bagai era.
Terdapat tiga galeri iaitu :
1) Galeri Kapal Karam Brunei,
2) Galeri Kegemilangan Maritim Brunei,
3) Galeri Tapak Warisan Arkeologi.

Kunjungan Hormat
Puan Emily M. Fleckner
Charge' d'Affaires
US Embassy in Brunei Darussalam

14 Oktober 2020
Bilik Kunjungan,
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

TEMBURONG, Khamis, 15 Oktober 2020 - Bengkel Asas Bahasa Isyarat anjuran Bahagian Orang Kelainan Upaya (OKU), Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dengan kerjasama Persatuan Orang Kurang Pendengaran (OKP) menutup tirainya hari ini dengan Majlis Penyampaian Sijil yang berlangsung di Dewan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Batu Apoi, Temburong.

Seramai 22 peserta yang terdiri daripada Ahli Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Temburong dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Daerah Temburong mengikuti bengkel selama tiga hari tersebut bermula 13 Oktober yang lalu.

Penyampaian sijil kepada para peserta disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Kebudayaan dan Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari selaku tetamu kehormat majlis.

Orang ramai yang berhasrat untuk menyertai Bengkel Bahasa Isyarat boleh menghubungi Bahagian OKU menerusi talian +673 2330315 atau e-mel 'pusatbahagia@gmail.com'.

Majlis Berdikir Di Masjid-Masjid Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad S.A.W Bagi Tahun 1442H/2020M

Tutong, 17 Okt 2020 - Laungan Dikir Maulud Nabi Muhammad SAW telah mula bergema di masjid-masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara, bagi memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak ketinggalan turut sama mengimarahkan malam Dikir Syarafil Anam. Tahun ini majlis berdikir bermula di Masjid Kampung Penabai, Kuala Tutong. Rombongan KKBS akan meneruskan majlis yang sama dalam menyemarakkan 12 malam Dikir Syarafil Anam ke Surau Kampong Piasau-Piasau pada 26 Okt 2020, dan berakhir di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar pada 28 Oktober 2020.

Majlis dikir diadakan untuk menanamkan rasa kasih dan cinta terhadap Rasulullah SAW serta memohon ganjaran teristimewa dan syafaat bagi orang-orang yang berselawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang mana ia adalah amalan mulia dalam pembentukan jati diri individu Muslim.

Masjid Kampung Penabai, Kuala Tutong

Surau Kampung Piasau-Piasau, Temburong

Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar

LAWATAN KE PUSAT PEMBANGUNAN BELIA (PPB)
17.10.2020

Bandar Seri Begawan, 18 Okt 2020 – 15 orang artis Negara Brunei Darussalam mempamerkan karya mereka pada Pameran Seni yang bertema **'Loreng Dinamika'** di Kompleks Membeli-Belah Mabohai bermula hari ini hingga 1 November, yang diadakan di kawasan awam dan Unit 204, kompleks tersebut.

Antara artis yang mempamerkan karya mereka ialah Haji Dayang, Pengiran Timbang, Awang Sitai, Adizain, Dr. Zakaria, Pengiran Roslan, Siti Kaprawi, Dato Shofry, Haji Yusuf, Kassim, Abd. Malek, Haji Padzil, Osman dan Pengiran Wahab.

Pameran juga akan menampilkan hasil karya daripada Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hamlatul Arsy Mulia @ Hammy binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

[Bagi mengetahui lebih lanjut mengenai pameran berkenaan, orang ramai dialu-alukan melayari laman sosial Instagram : '@mabohaibrunei']

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 18 Oktober 2020- Majlis Penutup Rangkaian Alumni Akademi Kepemimpinan Wanita Brunei - Young South Asia Asian Initiative (YSEALI) 2020, berlangsung di Dewan Silaturrahin, Pusat Belia. Dilancarkan pada tahun 2013, YSEALI adalah program khas kerajaan Amerika Syarikat untuk memperkukuhkan pembangunan dan jaringan kepemimpinan di Asia Tenggara.

Wanita dan perempuan di Negara Brunei Darussalam diberikan peluang yang sama dalam pelbagai aspek dalam mempengaruhi kehidupan mereka. Sebagai mengiktiraf pentingnya mereka untuk membangun negara, komitmen penuh untuk kemajuan wanita di Negara Brunei Darussalam, sejajar dengan Wawasan Brunei 2035, bertujuan menjadikan Negara Brunei Darussalam antara 10 negara teratas di dunia, dengan berpendidikan tinggi dan rakyat yang berkemahiran tinggi, menikmati kualiti hidup yang tinggi, dalam ekonomi yang dinamik dan mampan.

BERAKAS, Selasa, 20 Oktober 2020 - Hari Statistik Sedunia (World Statistics Day - WSD) diraikan pada 20 Oktober setiap lima tahun.

Tahun ini Sambutan WSD memilih tema *'Connecting the World with Data We Can Trust'* atau 'Menghubungkan Dunia Dengan Data Yang Kita Boleh Percayai' yang memaparkan kepentingan data yang berwibawa dan boleh dipercayai bagi kegunaan dalam membuat keputusan berdasarkan bukti.

Majlis Sambutan WSD berlangsung di Dewan Teater Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive.

Data yang tepat, cepat dan boleh dipercayai adalah sangat penting dalam apa jua perancangan yang dibuat sama ada oleh pihak kerajaan, sektor swasta atau individu-individu dalam masyarakat umumnya. Perancangan yang baik perlulah mempunyai asas dengan berpandukan kepada data ataupun fakta.

Dengan adanya perkongsian data, akan dapat mengurangkan kerja yang bertindih-tindih di mana berbagai-bagai agensi mengumpulkan data yang sama dan ini seterusnya akan dapat mengurangkan perbelanjaan kerajaan dalam pengendalian pengumpulan data tersebut. Walau bagaimanapun, perlu juga diingat supaya data 'privacy and confidentiality' adalah dititikberatkan dan sentiasa dipelihara.

Bandar Seri Begawan, Rabu, 21 Okt 2020 – Seramai 50 pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan dibawahnya menghadiri taklimat ***'Lifesaver 995'*** yang diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, yang dikendalikan oleh Bahagian Perhubungan Awam, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Berakas.

Taklimat ini diterapkan bagi keselamatan umum mengenai cara-cara menangani kecemasan apabila berlaku kebakaran semasa menjalankan tugas, dan meningkatkan kesedaran mengenai bahaya kebakaran, memupuk rasa tanggungjawab dan mengambil berat tentang aspek-aspek keselamatan kebakaran. Taklimat juga melibatkan cara penggunaan alat pemadam api dengan cara yang betul secara teori dan juga kelas-kelas api.

Majlis Berdikir 12 Malam Berturut-Turut
Sempena Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1442 Hijrah



Anjuran Universiti Brunei Darussalam
Masjid Universiti Brunei Darussalam
21 Oktober 20

MESYUARAT MENTERI-MENTERI ASEAN YANG BERTANGGUNGJAWAB BAGI KEBUDAYAAN DAN KESENIAN KALI KE-9 (9TH AMCA) DAN MESYUARAT-MESYUARAT BERKAITAN DENGAN RAKAN DIALOG

22 Oktober 2020
Bilik Persidangan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas

Mesyuarat dipengerusikan oleh Menteri Kebudayaan dan Kesenian, Kemboja, Puan Yang Terutama Dr. Phoeurng Sackona, dan dihadiri oleh Menteri-menteri ASEAN dan rakan dialog ASEAN (Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea) yang bertanggungjawab mengenai Kebudayaan dan Kesenian serta Setiausaha Agung ASEAN.

Tema Mesyuarat 9th AMCA - 'Impact of COVID-19 and Way Forward for the Culture and Arts Sector' bersetuju meneruskan usaha-usaha ASEAN dalam menangani kesan pandemik COVID-19, terutama sekali terhadap amal berbudaya, industri kebudayaan dan industri kreatif.

Para Menteri juga bersetuju untuk meneruskan kerjasama dalam bidang kebudayaan dan kesenian.

Dalam mesyuarat ini juga, Bandar Raya Seam Reap diisytiharkan sebagai Bandar Raya Kebudayaan ASEAN 2020-2022.

Para Menteri AMCA mengeluarkan Kenyataan Bersama yang antara lain menyatakan sokongan dan komitmen bagi mempromosi *Narrative of ASEAN Identity* untuk dihadapkan kepada Ketua-ketua Negara ASEAN dalam Sidang Kemuncak Ke-37 nanti. Naratif ini bertujuan untuk mengukuhkan ASEAN sebagai satu Komuniti dengan mengambil kira nilai-nilai kebersamaan yang diwarisi (inherited values) dan yang dibina bersama (constructed values).

Para Menteri juga mengalu-alukan perkembangan implementasi Pelan Strategik ASEAN dalam Kebudayaan dan Kesenian (2016-2025).

Menteri-menteri AMCA juga mengambil maklum perkembangan Petunjuk Utama Prestasi ASEAN bagi sektor Kebudayaan dan Kesenian serta pelaksanaannya.

Dalam Mesyuarat bersama Rakan Dialog (Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea), Para Menteri menyatakan penghargaan terhadap pelaksanaan pelan-pelan tindakan masing-masing dan menekankan kepentingan kerjasama dalam bidang pertukaran kebudayaan, pengurusan warisan budaya dan pembangunan sumber manusia.

Para Menteri mengambil maklum penubuhan jaringan kota-kota kebudayaan ASEAN+3 sebagai asas kepada kerjasama berpanjangan ASEAN+3.

TANAH JAMBU, Jumaat, 23 Oktober 2020 – Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Sunat Hajat bagi murid-murid Tahun 6, Program Curahan Ilmu (tuisyen percuma) berlangsung di Dewan Binadiri, Pusat Pembangunan Belia.

Program Curahan Ilmu (tuisyen percuma) merupakan sebuah program sebagai persiapan menjelang Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) bagi pelajar Tahun 6 yang akan menduduki peperiksaan tersebut. Pada tahun ini, seramai 52 pelajar Program Curahan Ilmu akan menduduki Peperiksaan PSR.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah yang dipimpin oleh Awang Sofiyan bin Haji Abd. Kahar, diikuti bacaan Surah Yaa Siin dan doa khusus untuk persediaan Peperiksaan PSR.

Majlis dikendalikan oleh Biro Kemasyarakatan dan Perhubungan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Rancangan Perpindahan Negara Kampung Panchor Mengkubau; Teachmeguru dan Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT) dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

BENGKEL BAHASA MELAYU PERINGKAT EKSEKUTIF

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA

Kompleks Sukan Jerudong
24—26 Oktober 2020

Bengkel ini memperkenalkan pola system ejaan bahasa Melayu baharu bagi menggantikan pola ejaan lama seperti penggantian huruf 'e' dengan 'i' dan 'o' menjadi 'u' dan lain-lain.

Kursus ini juga secara ringkas akan menyentuh system pembentukan ejaan bahasa Melayu baku melalui beberapa proses seperti peminjaman (loan words), penyerapan, imbuhan (affixes), dan lain-lain.

Kursus ini juga mendedahkan asas pengetahuan tatabahasa bahasa Melayu seperti 'Golongan Kata' (Word Phrase), dan kesalahan-kesalahan lazim dalam penggunaan system bahasa Melayu.

Signing Contract Mid-Term Review Of The Implementation Of The ASEAN Socio-Cultural Community (ASCC) Blueprint 2025

26 Oktober 2020
Kompleks Sukan Jerudong

Kunjungan Hormat
Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sosialis Viet Nam ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tran Van Khoa

27 Oktober 2020
Pejabat Menteri, Kementerian kebudayaan, Belia dan Sukan

Kursus Pengurusan Masa

26-28 Oktober 2020
Bilik Hijau, Stadium Negara Hassanal Bolkiah

TUTONG, Khamis, 29 Oktober 2020- Majlis Perhimpunan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Bagi Tahun 1442 Hijrah bagi Daerah Tutong diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong bagi lelaki dan di Dewan Seri Kenangan, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong bagi wanita.

Majlis perhimpunan tersebut diserikan dengan Syarahan Khas iaitu bagi perhimpunan lelaki, syarahan disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Ar-Rahim, Kampung Bukit Panggal Tutong, Awang Haji Kamaluddin bin Haji Abd. Rahman, manakala tenaga pembimbing Muslimah Masjid Telisai dan Masjid RPN Bukit Beruang, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Hajah Mastuyah binti Haji Abdul Ghani menyampaikan Syarahan Khas di Perhimpunan Wanita.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, hadir selaku tetamu kehormat pada majlis perhimpunan di masjid berkenaan, manakala isteri Yang Berhormat Menteri, Datin Nurhayana Janis binti Abdullah selaku tetamu kehormat pada Majlis Perhimpunan Khas Wanita.

Kedua-dua inti pati Syarahan khas tersebut menyentuh mengenai perkara-perkara yang berhubung kait dengan akhlak Rasulullah yang perlu diterapkan sebagai pedoman hidup agar menjadikan setiap individu itu berpotensi untuk membangun jati diri dan akan membolehkan mereka berfungsi dengan baik serta menyumbang ke arah kehidupan yang positif. Kedua-dua majlis tersebut juga diserikan dengan bacaan Dikir Marhaban beramai-ramai dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

PEGAWAI & KAKITANGAN KKBS & JABATAN-JABATAN DIBAWAHNYA YANG NAIK PANGKAT



Nama	Jawatan Lama	Jawatan Baru	Tarikh Naik Pangkat
Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari	Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan	Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.	17 Safar 1442 bersamaan 5 Oktober 2020

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
14 Rabiulawal 1442 / 31 Oktober 2020 (setakat jam 12:00 tengah hari)

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	148		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	1	3	144

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (178 hari yang lalu)	7 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
302	7,569

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
118 sampel	68,988



إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

الفاتحة

Dengan Amat Dukacita Merafak Sembah Takziah
Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

dan

Seluruh Ahli Kerabat Diraja Kebawah Duli Tuan Patik

Atas kemangkatan
Al Marhum Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim
Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

Pada:
Hari Sabtu,
07hb., Rabiulawal 1442H bersamaan 24hb., Oktober 2020M

Hamba-hamba Kebawah Duli Tuan Patik mendoakan semoga
Allah Subhanahu Wata'ala Merahmati Roh Al-Marhum

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ ، وَارْحَمْهُ ، وَعَافِهِ ، وَاعْفُ عَنْهُ ، وَأَكْرِمْ نُزُلَهُ ، وَوَسِّعْ مُدْخَلَهُ ،
اللَّهُمَّ إِنْ كَانَ مُحْسِنًا فَزِدْ فِي حَسَنَاتِهِ وَإِنْ كَانَ مُسِيئًا فَتَجَاوَزْ عَنْ سَيِّئَاتِهِ
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ

Sembah Takziah
Daripada Warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam

Sumber Berita:
Pelita Brunei dan Media Permata

Tim Penerbitan :
Unit Perhubungan Awam, KKBS

Perwajahan dan Aturgambar:
Unit Perhubungan Awam, KKBS

KKBS Jurufoto:
Hajah Ajijah binti Haji Ali (KKBS),
Pg Suhaimi bin Pg Haji Othman (KKBS),
Hj Norfaizal bin Hj Mat Salleh (KKBS),
Sufyan Aiman bin Sufri (JAPEM),
Mastinah binti Majid (DBP),
Abdul Aziz bin Hj Abd Hamid (PPB),
Penerangan (infofoto)